




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 46. RABU 16 November, 1966. رابو 2 شعبان 1386 PERCHUMA



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengadakan satu Majlis Selamat Berpisah kapada Dato Seri Setia Major General G.H. Lea di-Istana

Darul Hana pada malam 9 November, 1966. Dalam gambar ini kelihatan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan menghadihkan Chenderamata kapada Dato Seri Setia Major General Lea di-majlis tersebut.



Istiadat Pengurniaan Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei Di-London

Satu Istiadat Pengurniaan Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei telah diadakan di-Grosvenor House, London, England baru2 ini. Bintang2 Kebesaran itu telah di-anugerahkan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah bagi pehak Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan. Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota kelihatan dalam gambar ini (kiri) sa-lepas mengurniakan Bintang P.S.L.J. kapada Sir Stephen Luke K.C.M.G. di-Istiadat tersebut.



PERTUNJOKAN PERTANIAN MEMPEROLEHI KEJAYAAN

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah merasmikan pembukaan Pertunjokan Pertanian Negeri Brunei kali yang ke-18 di-Bangunan Sementara Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 11 November, 1966.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Penolong2 Menteri; Pegawai2 Kanan Kerajaan; Ahli2 Majlis2 Mashuarat Di-Raja, Negeri dan Daerah. Beribu2 orang dari berbagai2 bangsa telah menyaksikan Pertunjokan Pertanian itu pada sa-panjang hari tersebut.

Hasil2 pertanian yang di-usahakan oleh peladang2 dari seluruh negara; bina-tang2 ternakan; barang2 yang di-perbuat dalam negeri ini oleh orang2 dewasa dan kanak2 sekolah serta juga barang2 yang di-buat oleh Khemah Tahanan Berakas; Penjara Jerudong

dan Sharikat2 Perdagangan telah di-pamerkan di-temasha tersebut.

Uchapan2 yang berharga telah di-lafadzkan di-majlis pembukaan rasmi pertunjokan itu oleh Menteri Besar Brunei Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un; Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dan oleh Awang Suhaimi bin Haji Ismail bagi pehak Pemangku Pegawai Pertanian Negara Brunei, Awang Abdul Hamid bin Ja'afar yang berada di-luar negeri pada hari tersebut.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah menyampaikan hadiah2 istimewa sa-lepas Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal merasmikan pembukaan pertunjokan tersebut.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un kelihatan sa-waktu merasmikan pembukaan Pertunjokan Pertanian Negeri Brunei kali yang ke-18 di-Bangunan Sementara Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at yang lalu.

MEMPERINGATI ISRA' DAN ME'RAJ

BULAN Rejab, ada-lah bulan yang mempunyai keistimewaan dalam Islam. Pada bulan Rejab ini-lah sa-bagaimana telah ma'alom bahawa telah berlaku satu peristiwa yang besar bagi Junjongan kita Muhammad s.a.w., ia-itu Isra' dan Me'raj. Perjalanan Rasulullah s.a.w., pada malam hari (Isra') dari Meka'tul-Mukaramah ka-Baitul-Mukaddis dengan di-pandu oleh Malaikat Jibril dan kemudian di-bawa naik (Me'raj) ka-langit hingga-lah sampai ka-Sidratul-Muntaha untok menghadap ka-hadzrat Allah rabul — idzati. Ini, ada-lah suatu kemuliaan yang tidak ada tulok banding-nya bagi Junjongan kita Khatamun — nabie wal — mursalin Saidina Muhammad s.a.w.

MENURUT AL-QUR'AN

Peristiwa yang besar ini dengan jelas-nya terbenang di-dalam Al-Qur'anul-Karim sa-bagaimana firman-nya yang bertujuan: "Maha suci Allah yang telah menjalarkan hamba-nya (Muhammad) pada malam hari, dari Masjidil-Haram (Makatul-Mukaramah) ka-Masjidil-Aksa' (Baitul-Mukaddis) yang kami limpakan berkat sakeliling-nya demi untok memperlihatkan kapada-nya akan tanda2 kebesaran kami, sa-sungguh-nya ia (Allah) amat mendengar lagi melihat" (Suarah Isra' ayat satu).

Meski pun di-dalam ayat suci ini hanya di-jelaskan mengenai Isra', ia-itu dari Mekah ka-Baitul-Mukaddis sahaja, tetapi dalam Surah An-Najmi ada menyatakan tentang Me'raj ka-langit, dan ketika itu Rasulullah telah melihat "Jibril" di-sisi "Sidratul-Muntaha".

Sa-bagaimana kisah berlakunya 'Isra' dan Me'raj' di-jelaskan oleh Allah di-dalam Al-Qur'an, maka peristiwa itu telah di-jelaskan juga oleh Rasulullah sendiri di-dalam Al-Hadith. Di-dalam Hadith2 yang begitu banyak, ada yang di-riwayatkan oleh Buhari, Muslim dan lain2 lagi yang mana menyebutkan perihal 'Isra' dan Me'raj' ini. Ada-lah di-riwayatkan kira2 empat puluh orang sahabat2 Rasulullah s.a.w.

Berdasarkan Hadith2 nabi bahawa ada-lah di-dalam masa Rasulullah s.a.w., sedang berbaring di-antara Saidina Hamzah (ayah saudara nabi) dan Saidina Ja'afar bin Abu Talib (sepupu) nabi, tiba2 datang-lah Malaikat Jibril lalu mengangkat nabi ka-telaga Zamzam kemudian di-baringkan-nya dan di-belah dari atas dada hingga-lah kaperut, kemudian di-keluarkan hati beginda dan di-belah serta di-keluarkan darah hitam

di-susun oleh Awangku Rosman Al-Fathi
di-keluarkan oleh
Badan Penerangan Ugama Islam,
Bandar Brunei

yang ada di-dalam-nya itu. Sa-telah itu Malaikat Jibril pun memberikan sa-batil ayer Zamzam kerana membersekan hati beliau, dan sa-batil lagi penoh berisi dengan Ilmu ikhmat, keyakinan dalam Islam. Sa-telah itu di-tutup semua dan di-jahit dengan tidak terasa sakit sedikit pun jua. Kemudian di-matraikan (di-chap) pada balikat-nya (Belakang baginda) dengan muhor "Khatamun-Nubuah" (Chap kesudahan nabi2).

Sa-telah itu Malaikat Jibril pun meminta baginda agar menunggang satu kenderaan yang di-namakan 'Burak'. Lalu baginda menunggang-nya sementara Malaikat Jibril mengiringi baginda dalam perjalanan itu. Sa-sungguh-nya amat banyak sekali perkara2 yang ajaib yang telah di-pertunjukkan oleh Allah s.w.t. kapada paduka baginda. Di-dalam perjalanan itu baginda telah melihat suatu kaum yang terbelanggu kedua tangan-nya, sedangkan di-belakang-nya ada tertulis dengan surat2 amalan, mereka ini di-halau ka-tempat yang kotor saperti binatang laka-nya, sedangkan makanan mereka ada-lah daripada buah2 yang berduri dan bara api neraka serta batu2-nya. Lalu Rasulullah bertanya kapada Malaikat Jibril "Siapa-kah mereka ini wahai Jibril?" "Ini-lah orang2 yang tidak memberi zakat harta-nya kapada yang berhak menerimanya" ujar Jibril. Kemudian bertemu pula dengan suatu kaum sedang memakan daging yang busok, sedangkan daging yang baik dan sedap bau-nya tidak di-makan. Maka Malaikat Jibril pun memberi tahu kapada Junjongan bahawa ini-lah sa-tengah daripada suami2 dari umat tuan hamba yang telah mempunyai isteri yang halal, lalu ditinggalkan-nya dan pergi ka-tempat perempuan jahat, bermalam di-situ hinggalan sampai waktu suboh kerana melakukan pekerjaan yang di-benchi oleh Allah. Sa-lepas itu berjumpa pula dengan sa-orang lelaki sedang memberkas kayu, sedangkan ia-nya ta' terlarat mengangkat-nya, maka di-tambah-nya pula kayu itu lagi, begitu-lah seterusnya.

Maka Malaikat Jibril pun menerangkan bahawa ini-lah keadaan umat tuan hamba yang tidak menyampaikan amanah orang, tetapi ia-nya menyangupi (lagi amanah

orang lain, dan tidak juga ia menyampaikan-nya sampai pula Paduka Rasulullah di-suat tempat yang mana keliha-tan dengan jelas bahawa suatu kaum sedang menggunting2 lidah-nya dan bibir-nya.

Apabila di-gunting-nya terus saja putus, dan ketika itu juga puleh kembali saperti sediakala. Begitu-lah di-buat-nya berulang2 kali dengan ta' penat2-nya.

Lalu Rasulullah bertanya kapada Malaikat Jibril tentang siapakah gerakan orang itu, maka jawab Malaikat Jibril "Itu-lah sa-bahagian daripada umat tuan hamba yang sentiasa berchakap bohong dan suka menipu." Kemudian sampai pula dekat dengan suatu lubang yang kecil, tiba2 keluar-lah sa-ekor lembu jantan yang besar dari lubang yang kecil itu, dan apabila hendak masuk balek tiada-lah terdaya oleh-nya, tetapi di-chuba-nya juga akan memasuki lubang yang kecil itu. Maka Malaikat Jibril pun berkata "Ini-lah orang2 yang suka berchakap besar, apabila ia-nya tidak Kuasa untok menunaikan-nya (Apa yang di-chakapka-nya itu) ia pun m'e'n'y-e-sal." Sedang dalam perchakapan itu, tiba2 terdengar oleh Paduka Rasulullah akan suara yang memanggil2 nama-nya seraya berkata "Ya Muhammad, tunggu aku sa-bentar, aku hendak bertanya sa-satu kapada mu." Baginda hanya mendiamkan diri-nya tanpa berkata2 walau pun satu kalimat. Lalu Jibril menerangkan, "itu ada-lah seruan dari kaum Yahudi, sa-kira-nya tuan hamba menjawab-nya, neschaya banyak

umat2 hamba akan masok Ugama Yahudi." Baru saja Jibril habis menerangkan kapada baginda, maka di-teriak pula oleh orang yang sa-belah kiri baginda seraya berkata "Ya Muhammad, tunggu-lah aku sa-bentar, sasungguh-nya aku ingin sekali bertanya kapada engkau." Ini juga tiada di-jawab oleh Paduka Rasulullah, lantas Jibril berkata bahawa ini pula seruan dari kaum Nasrani, dan sa-kira-nya tuan hamba menjawab-nya, maka sudah tentu banyak dari umat tuan hamba akan masok ka-Ugama Nasrani.

Sementara itu, sa-orang perempuan tua yang mendedahkan lengan-nya yang penoh dengan perhiasan yang indah2 seraya menyeru, "Wahai Muhammad, tunggu aku sa-bentar, aku sa-sungguh-nya ingin sekali hendak bertanya kapada mu, tunggu-lah aku sa-bentar..." Lalu Malaikat Jibril menerangkan kapada baginda bahawa ini-lah tipu daya dunia, kira-nya tuan hamba jawab, neschaya banyak umat tuan hamba memileh 'Dunia daripada Akhirat'. Sa-sudah itu bertemu pula dengan sa-orang tua yang sudah agak lanjut usia-nya, maka Malaikat Jibril pun menerangkan kapada baginda bahawa ini-lah mithalan umur 'DUNIA' ia-itu tiada sa-berapa lagi, melainkan sa-kadar nasbah umur orang tua itu tadi.

Apabila tiba di-Madinah, Jibril pun memberi tahu Junjongan kita bahawa ini-lah negeri tempat baginda berhijrah kelak dan di-sini-lah juga tempat makan (Kubur) baginda. Kemudian mereka tiba pula di-bukit 'Tursina' lalu di-khabarkan oleh Jibril bahawa di-bukit ini-lah Tuhan telah berkata2 dengan Nabi Musa Alaihis-salamah, sa-telah tiba di-Baitul Lah

LIHAT MUKA 6

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulai hari Rabu 16 November hingga ka-hari Selasa 22 November, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
16 Nov.	12.12	3.30	6.08	7.23	4.37	4.52	6.08
17 Nov.	12.12	3.30	6.08	7.23	4.37	4.52	6.08
18 Nov.	12.12	3.30	6.08	7.23	4.37	4.52	6.08
19 Nov.	12.12	3.30	6.08	7.23	4.37	4.52	6.08
20 Nov.	12.12	3.30	6.08	7.23	4.37	4.52	6.08
21 Nov.	12.12	3.31	6.09	7.24	4.38	4.53	6.10
22 Nov.	12.12	3.31	6.09	7.24	4.38	4.53	6.10


Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Peraduan Membacha Al-Qur'an Daerah2 Belait dan Temburong



Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan kelihatan menyampaikan hadiah kepada Awang Damit bin Alihasan yang telah berjaya menjadi Johan Bahagian Lelaki Peraduan Membacha Al-Qur'an Daerah Temburong baru2 ini. — Gambar BPUI.



Awang Morni bin Sanai, Johan Membacha Al-Qur'an Daerah Belait, Bahagian Lelaki tahun ini. — Gambar BPUI.




Dayang Asiah binte Metassan, Johan Membacha Al-Qur'an Daerah Temburong, Bahagian Perempuan tahun ini. — Gambar BPUI.



Dayangku Sa'imah binte Pengiran Damit, Johan Membacha Al-Qur'an Daerah Belait, Bahagian Perempuan tahun ini. — Gambar BPUI.



Dayang Latifah Lakim (Johan Asli dan ketiga Langgam) sedang menerima piala kemenangan-nya dari Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abd. Razak.



Awang M. S. Bakri, johan Langgam dan Asli peringkat negeri bagi tahun 1962 berjaya mewakili Daerah Brunei dan Muara ka-peringkat negeri tahun 1967 apabila menyandang gelaran johan kedua2 bahagian tersebut dalam peringkat Daerah yang baru di-langsungkan.

Daerah Brunei Di-Wakili Oleh 7 Orang Ka-Pertandingan Bintang Radio Peringkat Negeri

--Tiga Sekawan Johan Lawak

Pertandingan Bintang Radio peringkat Daerah Brunei dan Muara telah di-langsungkan di-Dewan Maktab S.O.A.S. pada 11 November yang lalu.

Walau pun di-antara penyanyi2 yang berjaya itu merupakan bakat yang sudah agak dewasa, tetapi muncul-nya sa-orang bakat baru yang mendapat tempat johan dalam bahagian asli wanita (Latifah Lakim) tidak-lah begitu memeranjatkan.

Sebab-nya ia-lah kita mengetahui bahawa memang tidak dapat di-nafikan lagi bahawa seni nyanyi ada-lah merupakan satu daripada cabang seni yang amat di-gemari oleh pemuda pemudi kita dewasa ini.

Chuma yang menduka chitakan ia-lah kebanyakan pemuda pemudi yang mempunyai bakat penyanyi itu maseh ragu2 untuk menchuba bakat mereka dan ada di-antara-nya pula tidak menumpukan perhatian yang tegas di-lapangan ini dan chuma di-anggap sa-bagai 'main2 saja.'

Namun bagitu usaha2 meninggikan mutu seni nyanyi di-negeri ini maseh dan tetap di-jalankan sa-hingga mencapai satu taraf yang lebih baik dan sempurna mengikut keadaan sekarang ini.

Di-lapangan lawak jenaka pula usaha menchari bakat baru telah pun di-langsungkan dengan mengadakan peraduan 'Mari Ketawa'. Sa-banyak 12 pasokan telah memasoki pilehan sa-paroh akhir dan tiga pasokan di-antara-nya telah terpilih untuk memasoki peringkat akhir.

Lawak Jenaka ada-lah satu lapangan yang mengambil peranan penting dalam bidang hiburan untuk santapan rohani

Tiga sekawan yang
Ken

penunton dan
juga tidak ku
membangun se
kat dalam berb

Bakat lawa
mudi kita mem
Tetapi saperti
nyanyi yang di
saja,' maka lap
dapi nasib yang

Perkataan
gan-lah" atau



Keluarga Si-Panjang Si-Pindek yang di-ketuai oleh Awangku Yahya mendapat gelaran yang ketiga dalam peraduan mari ketawa.



Haji Ahim bin Haji Ibrahim sedang beraksi dalam peraduan mari tiga sekawan ini menjadi johan dalam peraduan tersebut.

Lapangan ini ng-nya dalam jiwa mashara-an. an pemuda pe-apat di-sangkal. an lapangan a-bagai 'main2 juga mengha-atau "saya se-aku, chari tah

orng lain" selalu kita terima apabila orang2 yang di-perchayai mempunyai bakat lawak itu di-pelawa untuk memasoki lapangan tersebut.

Namun begitu, Bahagian Melayu Radio Brunei akan berusaha menimbulkan lapangan tersebut sa-hingga mencapai taraf yang bermutu tinggi.

(Keputusan peraduan Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara dan peraduan Mari Ketawa di-siarkan di-muka 8 dalam keluaran ini).



sekawan yang di-ketuai oleh Yahya Said sedang beraksi dalam peraduan mari ketawa. Pasokan ini berjaya menjadi naib Johan.

NASEHAT2 YANG BERFAEDAH

MENTERI BESAR BRUNEI, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un dan Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah memberikan nasehat2 yang berfaedah kepada penduduk2 negeri ini dalam ucapan beliau2 itu di-Majlis Pembukaan Rasmi Pertunjukan Pertanian Negeri Brunei kali yang ke-18 di-Bangunan Sementara Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at yang lalu.

Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal di-majlis tersebut, antara-nya, beliau berkata bahawa Pertunjukan Pertanian yang di-adakan pada hari itu ada-lah satu daripada usaha2 Kerajaan yang sa-imbang dengan Dasar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa berusaha untuk memberi tunjok-ajar dan contoh2 yang berguna bagi meninggikan pendapatan dari pertanian, termasuk juga ternakan, perikanan dan lain2 perkara yang perlu.

Beliau berharap supaya segala tunjok-ajar dan tauladan2 baik itu akan dapat di-terima dan di-chontohi oleh ra'ayat bagi menjayakan maksud Dasar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa memberi kemudahan2 dan bantuan dalam segala lapangan usaha bagi meninggikan taraf hidup mereka.

Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, berkata dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, antara-nya bahawa Jabatan Pertanian ada-lah sentiasa bersedia untuk memberi bantuan sa-berapa yang boleh kepada sesiapa sahaja yang hendak mula berladang dan berchuchok tanam, sambil menegaskan bahawa beliau yakin "jikalau kita melebehkan usaha kita berchuchok tanam, kita akan mendapat hasil daripada-nya."

Sa-moga ucapan2 yang telah di-lafadzkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un dan oleh Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh di-Majlis Pembukaan Rasmi Pertunjukan Pertanian Negeri Brunei pada hari Juma'at yang lalu akan memberikan faedah2 yang besar kepada penduduk2 negeri ini mengenai perkara2 yang bersangkutan paut dengan pertanian, ternakan, perikanan dan lain2-nya.



Dayang Siti Mariam Yusof, Jonan Banagian Langgam dan ketua Banagian Asli akan mewakili Daerah Brunei dan Muara ka-peraduan peringkat negeri. Dayang Siti Mariam ia-lah naib johan asli dan langgam, 1966.

Pemberitahuan Tawaran Pejabat Jabatan Perpindahan Kampong Ayer Brunei

1. TAWARAN2 akan diterima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Kewangan Negara, di-Bangunan Pejabat Kerajaan Brunei tingkatan bawah daripada Kon-trektor2 bagi Kelas B dan C yang berdaftar dengan Jabatan Kerajaan, Brunei sahingga jam 4.00 petang hari Ithnin, 28 November, 1966.

"PEMBINA'AN PARIT2 CEMENT BERANGKA DAWAI DAN MENDALAMI SERTA MENGHALUSI PARIT TANAH YANG LAMA DI-BELAKANG SEKOLAH SAMPAI KA-SUNGAI BESAR (SUNGAI B.T.T.C.) DAN MENDIRIKAN 5 KAKI TINGGI 'GALVANISED' PAGAR BESI 'CHAIN-LINK' TERMASOK PEMBINA'AN 5 PINTU PA-

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.
3. Pelan2 dan butir2 kenya-ta'an boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh diperolehi dari Pejabat Perpindahan Kg. Ayer, Brunei semasa waktu bekerja.
4. TAWARAN2 MESTI-LAH DI-MASOKKAN KA-DALAM SAMPOL2 SURAT BIASA YANG BERTUTOP. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.
5. Sampil2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-Bangunan Pejabat Kerajaan Brunei tingkatan bawah.
6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan de-

ngan terang di-atas sampol surat dan perkata'an-nya "PEMBINA'AN PARIT2 CEMENT YANG BERANGKA DAWAI BESI DAN MENDALAMI SERTA MENGHALUSI PARIT TANAH YANG LAMA DI-BELAKANG SEKOLAH SAMPAI KA-SUNGAI BESAR (B.T.T.C. CHANNEL) DAN MENDIRIKAN 5 KAKI TINGGI PAGAR BESI (GALVANISED WIRE) CHAINLINK, TERMASOK PEMBINA'AN 5 PINTU PAGAR SA-KELILING KAWASAN SEKOLAH"

7. TAWARAN2 YANG DI-TERIMA DALAM SAMPOL2 SURAT YANG TIDAK DI-ALAMATKAN DENGAN BETUL AKAN DI-TOLAK.
8. Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$100.00 (Sarat ringgit sahaja).

Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya selepas keputusan-nya diketahui. Wang chengkeram akan hilang jika yang berjaya menulak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-perolehi dari Pejabat Perpindahan Kg. Ayer, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.
10. TAWARAN2 YANG DI-BUAT DI-ATAS BORANG2 YANG TIDAK BETUL AKAN DI-TOLAK.
11. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sahabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

(G.D. Becket)
Pegawai Perpindahan,
Brunei

Menghadhiri Persidangan Beras dan Perdagangan Di-Bangkok

BERAKAS. — Pengawal Setor2 Kerajaan, Brunei, Awang A.S. Newn dan Pemangku Pegawai Pertanian Negara, Brunei, Awang Abdul Hamid bin Ja'afar telah berlepas dari Brunei ka-Bangkok, Thailand dengan kapal terbang pada hari Ahad 6 November, 1966 untuk menghadhiri Persidangan Mengenai Masa'alah Beras kali yang ka-sepuluh.

Pada hari Khamis 10 November pula dua orang Pegawai2 Kerajaan Brunei telah berlepas ka-Bangkok untuk menghadhiri Persidangan mengenai chara2 memperbaiki hal ehwal yang bersangkutan paut dengan masa'alah perdagangan antara negara dalam lengkungan Kawasan Suruhanjaya Perekonomian, Negara2 Asia dan Timor Jauh.

Beliau2 itu ia-lah Pengawal Kastam dan Bea, Negeri Brunei, Awang Othman Chua Kwang Soon dan Awang Yahya bin Haji Harris, sa-orang Pegawai Pentadbiran dari Jabatan Kemajuan, Brunei.

Sa-lepas menghadhiri persidangan tersebut, beliau2 tersebut akan juga melawat ka-temasha Pasar Perdagangan Asia yang akan di-adakan di-Bangkok mulai pada 17 November hingga 10 Disember, 1966.

Memperingati Isra' dan Me'raj

DARI MUKA 2

mi' maka di-khabarkan oleh Jebril bahawa di-sini-lah tempat nabi Isa di-peranakkan, akhir-nya tiba-lah mereka di-Baitul-Mukdaddis lalu turun di-Masjidil-Aksa' lalu baginda masuk, dan di-dapati baginda orang2 terlalu ramai, saolah2 mereka sedang menunggu Imam. Maka Jebril pun mempersilakan baginda supaya menjadi Imam. Sa-telah bersembahyang dan berdo'a, maka baginda bersama2 Jebril pun keluar halaman Masjidil-Aksa' itu, lalu di-bawakan kepada-nya tiga jenis minuman ia-itu Arak, susu, dan madu. Junjongan kita Muhammad s.a.w., telah memileh ayer susu lalu meminum-nya. Pilehan baginda itu ada-lah bersempena baik bagi tuan dan umat tuan, tegas Jebril.

"ME'RAJ KA-LANGIT"

Di-dalam Hadith2 Nabi yang lain pula menjelaskan bahawa Junjongan kita Muhammad s.a.w., dengan di-temani oleh Malaikat Jebril telah naik-ka-langit dengan menggunakan tangga ajaib atau 'Me'raj'. Ya, kalau manusia sudah boleh menggunakan 'Roket' yang laju yang mana dapat mengelilingi dunia di-dalam masa yang singkat, jadi, kita juga tidak menafikan bahawa 'Me'raj'-nya Junjongan kita ka-langit pergi dan balek pada malam itu juga sudah tentu-lah tidak mustahil, kerana Junjongan kita dalam perjalanannya menembusi tujuh petala langit itu ia-lah dengan kehendak Allah s.w.t., jua.

Di-langit pertama, paduka Rasulullah telah berjumpa dengan Nabi Adam, di-langit

kedua dengan Nabi Isa dan Yahya, di-langit ketiga dengan Nabi Yussof, di-langit ke-empat dengan Nabi Idris, di-langit kelima dengan Nabi Harun, di-langit ke-enam dengan Nabi Musa, dan di-langit ke-tujuh berjumpa dengan Nabi Ibrahim alaihimus-salatu Wassalam. Di-situ juga diperlihatkan kepada baginda akan 'Baitul Makmur' (Tempat Malaikat Beribadat). Sa-sudah itu Rasulullah di-bawa naik oleh Malaikat Jebril ka-Sidratul-Muntaha, di-sana yang mulia telah mendengar akan bunyi kalam2 menulis, dan di-sana juga Jebril berhenti.

Paduka Rasulullah sa-orang diri telah di-angkat ka-tempat yang lebeh tinggi dan lebeh mulia, di-sana-lah baginda sujud ka-hadzarat Allah Rabul-idzati, sambil memuji dan bersyukur di-atas limpah kurnia-nya. Di-sini-lah yang mulia menerima fardzu sembahyang lima puluh waktu, dan juga untuk sekalian umat2-nya kemudian di-kurangi hingga jadi lima waktu saja. Sa-telah selesai Rasulullah s.a.w., pun turun kembali ka-dunia bersama2 Malaikat Jebril, mereka telah sampai ka-Baitul-Mukaddis lalu berangkat ka-Mekah dan tiba di-Tanah Suchi itu pada malam itu juga (Menurut riwayat yang mashor bahawa malam itu ia-lah 27 Rejab tahun yang ke-sabelas sa-belum Hijrah).

Peristiwa yang besar ini telah menjadikan kaum Mushrikin Mekah bergelak2 mendengar-nya apabila Rasulullah mencheritakan kejadian itu pada ke-esokan hari-nya. Te-

tapi umat Islam telah menerima dengan sa-bulat kata bahawa Junjongan telah di-Isra' Me'raj dengan Roh dan Jasad-nya. Sa-sungguh-nya peristiwa Isra' Me'raj itu ia-lah satu mukzizat (Kejadian yang luar biasa) dan suatu kehormatan yang tiada tulok banding-nya bagi Junjongan kita Nabi Besar Muhammad s.a.w., Suatu perkara yang besar erti-nya yang mana telah berlaku pada malam Isra' Me'raj itu ia-lah sembahyang lima waktu.

SEMBAHYANG ITU TIANG UGAMA

Kalau lain2 perkara yang telah di-fardzukan ka-atas Junjongan kita dan umat-nya di-sampaikan oleh Jebril di-dunia, maka sembahyang yang lima waktu telah di-fardzukan di-atas langit yang ke-tujuh sa-telah Rasulullah dipersilakan akan naik pada malam itu. Mengenangkan ini dapat-lah di-fikirkan bagaimana berat-nya fardzu sembahyang itu dan bagaimana berat dosa-nya bagi orang yang meninggalkan-nya. Kedudukan sembahyang dalam Islam makin bertambah jelas apabila kedapatan berpuluh2 ayat di-dalam Al-Qur'an yang mana peri menyatakan bahawa sembahyang itu ada-lah sabagai pengabdian diri terhadap Allah. Dan di-dalam Hadith pula ada tersebut yang bertujuan sa-kira2: "Sembahyang itu tiang ugama, barang siapa yang mendirikan-nya, sa-sungguh-nya ia-telah mendirikan Ugama, dan barang siapa meninggalkannya maka sa-sungguh-nya ia meruntuhkan Ugama."

Perlawanan Bola Sepak Antara Sekolah² Dan Maktab² Negeri Brunei

PERLAWANAN Bola Sepak antara Sekolah² dan Maktab² Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei: Perlawanan Pemilihan di-tiap² Daerah telah selesai. Perlawanan Peringkat Negeri ia itu antara Johan tiap² daerah yang telah di-jalan kan ada-lah seperti berikut:—

KUMPULAN "C" (Murid Besar)

1. PADA 24 OKTOBER, 1966: Perlawanan Suku Akhir antara Johan Tutong I dari Pasokan Sekolah Melayu Sinaut berlawan dengan Johan Temburong dari pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, bertempat di-padang Bandar Brunei, keputusan-nya Pasokan Sinaut menang dengan 2 gol berbalas 1.

2. PADA 26 OKTOBER, 1966: Perlawanan Suku Akhir antara Johan Brunei II dari Pasokan Sekolah Melayu Muara berlawan dengan Johan Belait dari Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Seria, bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell Seria, keputusan-nya Pasokan Muhammad 'Alam menang dengan 3 gol berbalas 1.

3. PADA 28 OKTOBER, 1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Johan Brunei I dari Pasokan Sekolah Melayu SMJA berlawan dengan Johan Tutong I dari Pasokan Sekolah Melayu Sinaut bertempat di-Padang Muda Hashim Tutong, keputusan-nya Pasokan SMJA menang dengan kemenangan tendangan sudut sahaja ia-itu (5-4).

4. PADA 5 November, 1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Johan Brunei III dari Pasokan Sekolah Melayu Pangkalan Batu berlawan dengan Johan Belait dari Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam Seria, bertempat di-padang SMJA., keputusan-nya Pasokan Muhammad 'Alam menang dengan kemenangan tendangan sudut (3-1) dan gol-nya seri (1-1).

KUMPULAN "B" (Murid Sedang)

1. PADA 23 OKTOBER, 1966: Perlawanan Suku Akhir antara Johan Brunei II dari Pasokan Sekolah Melayu Sengkuring berlawan dengan Johan Belait dari Pasokan Maktab Anthony Abell Seria, bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell, Seria keputusan-nya Pasokan Maktab

Anthony Abell menang dengan 9 gol tidak berbalas.

2. PADA 25 OKTOBER, 1966: Perlawanan Suku Akhir antara Johan Brunei III. Dari Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunut berlawan dengan Johan Tutong II Pasokan Sekolah Melayu Ukong, bertempat di-Padang Bandar Brunei, keputusan-nya Pasokan Ukong menang dengan 4 gol berbalas 1.

3. PADA 27 OKTOBER, 1966. Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Johan Belait dari Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria berlawan dengan Johan Tutong II. Dari Pasokan Sekolah Melayu Ukong bertempat di-Padang Muda Hashim Tutong, keputusan-nya Pasokan Maktab Anthony Abell Seria menang dengan 7 gol berbalas 1.

4. PADA 30 OKTOBER, 1966: Perlawanan Suku Akhir antara Johan Temburong dari pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, berlawan dengan Johan Tutong I dari pasokan Sekolah Melayu Lamunin, bertempat di-padang Bangar, keputusan-nya Pasokan Sultan Hasan menang dengan kemenangan gol (4-0).

5. PADA 4 NOVEMBER, 1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Johan Brunei I, dari Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei, berlawan dengan Johan Temburong Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, bertempat di-Padang Bandar Brunei, keputusan-nya Pasokan Maktab SOAS, menang dengan 5 gol tidak berbalas.

KUMPULAN "A" (Murid Kechil)

1. PADA 27 OKTOBER, 1966: Perlawanan Suku Akhir antara Johan Tutong I, dari Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim berlawan dengan Johan Temburong dari Pasokan Sekolah Melayu Belais, bertempat di-Padang Bandar Brunei, keputusan-nya Pasokan Muda Hashim menang dengan 2 gol berbalas 1.

2. PADA 29 OKTOBER, 1966: Perlawanan Suku Akhir antara Johan Belait dari Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria berlawan dengan Johan Brunei II, dari Pasokan Sekolah Melayu Sengkuring, bertempat di-Padang Sengkuring, keputusan-nya pasokan Maktab Anthony Abell Seria menang dengan 5 gol tidak berbalas.

3. PADA 30 OKTOBER, 1966: Perlawanan Suku Akhir antara Johan Brunei III, dari Pasokan Sekolah Melayu Kasat berlawan dengan Johan Tutong II dari pasokan Sekolah Melayu Rambai, bertempat di-Padang Muda Hashim Tutong, keputusan-nya Pasokan Rambai menang dengan 2 gol tidak berbalas.

4. PADA 2 NOVEMBER, 1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Johan Brunei I dari Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei berlawan dengan Johan Tutong I dari Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong, bertempat di-Padang Muda Hashim, keputusan-nya pasokan Maktab SOAS menang dengan 4 gol berbalas 2.

5. PADA 3 NOVEMBER.

1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Johan Belait dari Pasokan Sekolah Melayu Rambai berlawan dengan Johan Belait dari Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria, bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell, keputusan-nya Pasokan Maktab Anthony Abell menang dengan 4 gol tidak berbalas.

6. PADA 6 NOVEMBER, 1966: Perlawanan Akhir antara Johan Brunei I dari Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei berlawan dengan Johan Belait dari Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria, bertempat di-Padang Bandar Brunei, keputusan-nya pasokan Maktab SOAS, menang dengan 2 gol tidak berbalas.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei menjadi Johan Bola Sepak Sepak Kumpulan "A" antara Sekolah² dan Maktab² Sa-Negeri Brunei bagi tahun 1966. Yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria.

Hadiah² Rebutan:

JOHAN: Perisai W. J. Peel: bekas British Resident Brunei, di-menangi oleh Pasokan Maktab SOAS, Brunei.

NAIB JOHAN: Piala N. E. Clark: bekas Pengurus Hongkong dan Shanghai Bank, Brunei di-menangi oleh Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria.

Hadiah² kemenangan dan hadiah² rebutan telah disampaikan oleh Awang Suni bin Haji Idris, Nadzir Negara Sekolah² Negeri Brunei kepada pasokan² yang berjaya. — DI-SUSUN OLEH AWANG MD. HUSAIN ZAINAL, PEJABAT PELAJARAN, BRUNEI.

Jawatan Kosong:

Pembantu² Kechil Teknik Rendah Di-Jabatan Ukur Negara

PERMOHONAN² ada-lah di-jemput daripada raayat Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi raayat Sultan untuk memenohi jawatan² Pembantu Kechil Teknik Rendah di-Jabatan Ukur Negara, Brunei (6 jawatan kosong).

GAJI: Dalam sukatan gaji \$200x10 — 270/EB/280x10 — 330.

Hanya pemohon² yang mempunyai kelayakan² yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:—

(a) Umor tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 25 tahun.

- (b) Pemohon² mesti-lah berkelulusan sa-kurang²-nya Darjah VII Sekolah Melayu atau Form I Inggeris dan Darjah IV Melayu.
- (c) Pemohon² mesti-lah mempunyai tulisan yang baik.
- (d) Pemohon² mesti-lah berkelulusan Ilmu Hisab bahagian rendah.

Permohonan² daripada kaitangan² Jabatan Ukur yang tidak mempunyai kelayakan² yang di-perlukan seperti diatas, tetapi ada mempunyai pengalaman dalam bahagian

ukur akan juga di-pertimbangkan.

Permohonan² daripada lain² Pegawai Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat mereka siapa di-kehendaki menghantar laporan² sulit mengenai pemohon² itu bersama² dengan satu Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan² yang mesti di-isi dalam borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 28 November, 1966.

Bekas Orang2 Tahanan Di-Seru Jangan Di-Pengarohi Oleh Anasir2 Jahat

BUNUT. — Penyelia Pilehan2 Raya Negeri Brunei, Awang Matnoor McAfee berkata di-Majlis Pembebasan bekas orang2 tahanan di-Pusat Pemulihan Bunut pada petang hari Khamis yang

Peraduan Lawak Jenaka Anjoran Radio Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Tiga Sekawan dari Tutong, terdiri dari Haji Ahim Haji Ibrahim, Ramlee Salat dan Othman Haji Razali telah menjadi Johan dalam Peraduan Lawak Jenaka anjoran Bahagian Melayu Radio Brunei.

Peraduan tersebut telah di-adakan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei semasa di-langsungkan Pertandingan Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara pada malam 11 November, 1966.

Naib Johan peraduan tersebut ialah Pasokan Dua Sekawan (2 Yahya SP) dari Tutong, terdiri dari Yahya Md. Said dan Yahya Pisi.

Keluarga Si-Paniang dan Si-Pendek dari Kampong Anggrek Desa, Berakas ia itu mengandongi Awangku Yahya Pengiran Hashim, A. Salleh Sukirman dan Mohd. Md. Yasin telah mendapat gelaran Ketiga dalam peraduan tersebut.

Ketiga2 pasokan itu telah terpilih daripada seramai dua belas pasokan yang telah mengambil bahagian dalam Peraduan Lawak Jenaka di-Studio Radio Brunei baru2 ini.

Pengadil2 peraduan tersebut ialah Awang Besar Sagap, Awang Md. Ali Tamin dan Awang Ahmad Arshad.

Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 tersebut.

Pengambilan Rekrud2 Baru Untuk A.M.D.B.

BANDAR BRUNEI. — Pengambilan rekrud2 baru untuk berkhidmat dengan Askar Melayu Di-Raja Brunei akan bertemu dua dan menjalankan peperiksaan perubatan di-Kuala Belait seperti berikut:

Hari Khamis 17 November dari jam 8.15 pagi hingga 12.15 tengah hari dan dari jam 2.15 petang hingga 4 petang di-Bilik Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kuala Belait.

lalu bahawa beliau perchaya dalam masa bekas orang2 tahanan itu di-tahan, mereka semua telah di-beri peluang untuk mengikut kursus2, sharahan2 dan pelajaran yang di-fikirkan berguna untuk masa depan.

Sa-kembali-nya mereka kampong masing2, tegas Aw. Matnoor, beliau berharap mereka akan dapat memperbaharu chorak hidup yang baru dan semua oleh2 atau hasil2 yang mereka dapati daripada kursus2, pelajaran dan sebagai-nya itu, akan dapat di-jadikan peduman hidup mereka di-masa depan.

Beliau juga berharap mereka akan berhati2 untuk menjaga diri masing2 dan jangan-lah mudah di-pengarohi oleh gulungan anasir2 jahat yang mana suka melihat supaya masyarakat dan negeri mereka mendapat haru hara atau kekacauan.

Dalam ucapan tersebut, Awang Matnoor berkata "Negeri Brunei ini ada-lah terkenal oleh negeri2 luar sebagai sa-buah NEGERI YANG

*Gunakan-lah
Bahasa Melayu*

Seramai 40 orang anggota2 baru Pulis Di-Raja Brunei akan berangkat ka-Kuala Lumpur pada 17 November 1966 untuk berlatih di-sana. Dalam gambar ini kelihatan Pesuruh Jaya Pulis Di-Raja Brunei, Awang J. R. H. Burns sedang memeriksa perbarisan anggota2 baru Pulis tersebut di-kawasan Ibu Pejabat Pulis Di-Raja Brunei di-Bandar Brunei kelemarin pagi. Perbarisan itu juga di-adakan sa-bagai mengalu2kan Awang Burns yang telah dilantik sebagai Pesuruh Jaya Pulis Di-Raja Brunei yang baru.

AMAN DAN MAKMOR dan sudah sa-mesti-nya juga tuan2 tentu-lah tidak mahu negeri tuan2 dalam keadaan suasana kuchar kachir atau haru hara saperti yang terdapat di-negeri2 lain.

Untuk mempertahankan keamanan dan kemakmoran Negeri Brunei kita ini, maka kita hanya boleh memberi bantuan dengan jalan memberi kerjasama yang tidak berbelah bagi dan patoh kepada Dasar dan Undang2 Kerajaan negeri ini. Dengan kerjasama yang tuan2 berikan itu maka baharu-lah pehak Kerajaan akan dapat melaksanakan kehendak2 Perlembagaan Rancangan Perkembangan Negeri Brunei."



Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafeah, Timbalan Penaong Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negeri Brunei kelihatan sa-waktu merasmikan pembukaan Kelas2 Dewasa Ugama Bahagian Perempuan, Bandar Brunei di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada 11 November, 1966.

Pertandingan Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Seramai 20 orang penyanyi2, mengandongi 12 orang penyanyi2 lelaki dan 8 orang penyanyi2 wanita telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara di-Dewan Maktab Sultan Omar Ail Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 11 November, 1966.

Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak telah merasmikan pembukaan pertandingan itu dan beliau juga telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang pertandingan tersebut.

Keputusan pertandingan itu ada-lah saperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI: Langgam. Johan—M.S. Bakri. Naib Johan—Awangku Emran Pengiran Manai. Ketiga — Hussin Haji Tuah. ASLI. Johan—M.S. Bakri. Naib Johan—Hussin Haji Tuah. Ketiga—Mohammad H.M. Yasin.

BAHAGIAN WANITA: Langgam. Johan—Siti Mariam Yusoff. Naib Johan—Dayangku Safiah Pengiran Suhaili. Ketiga—Latifah Lakim. ASLI. Johan—Latifah Lakim. Naib Johan—Norsiah Hamid. Ketiga—Siti Mariam Yusoff.

PENGADIL 2: Awang Hussin Abdul Razak, Awang Abdul Ghani Mohid, Awang S. M. Yusof dan Awang Abdul Wahab Mohammad.

